



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian



Sinar Harian Official

>> KHAS > COVID-19 > Warga emas diberi vaksin Sinovac mulai minggu depan

Warga emas diberi vaksin Sinovac mulai minggu depan

|| 12 April 2021

Vaksin fasa kedua: Beberapa kategori lain akan didahulukan

[Baca cerita seterusnya >](#)



Vaksin Sinovac keluaran China akan diberikan kepada golongan warga emas berusia 60 tahun ke atas dalam Fasa 2 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bermula 19 April ini. - Foto Bernama

A⁻ A⁺

PUTRAJAYA - Vaksin Sinovac keluaran China akan diberikan kepada golongan warga emas berusia 60 tahun ke atas dalam Fasa 2 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bermula 19 April ini, kata menteri penyelarasan program berkenaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, ia diputuskan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) setelah mengambil kira data terkini serta perkembangan amalan penggunaan di negara lain yang menunjukkan vaksin tersebut adalah selamat, berkesan dan stabil untuk diberikan kepada warga emas.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi itu, contoh negara yang telah melaksanakan pemberian vaksin Sinovac kepada populasi 60 tahun ke atas ialah Turki iaitu lebih 11 juta penerima, Brazil lebih tujuh juta penerima dan Chile lebih tiga juta penerima.

Vaksin fasa kedua: Beberapa kategori lain akan
 Dalam sidang akhbar perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bersama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba di sini pada Isnin, Khairy berkata, berdasarkan ujian klinikal di Brazil dan hasil semakan mendapati peratus keberkesannya adalah 83.7 peratus bagi kes sederhana dan 100 peratus bagi kes-kes tenat.

Dalam pada itu, katanya, bilangan mereka yang sudah mendaftar untuk menerima vaksin Covid-19 adalah seramai 8.513 juta.

"Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan merekodkan pendaftaran paling tinggi dari segi ratio penduduk, manakala Sabah, Kelantan, Pahang, Terengganu dan Kedah masih perlahan," katanya.

Khairy berkata, sejumlah 31,776 janji temu telah dihantar kepada penerima vaksin fasa kedua melalui aplikasi MySejahtera dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

"Daripada 31,776 janji temu yang dihantar, 13,218 sudah jawab akan hadir, 343 menjawab mereka tidak hadir, dan 18,215 atau 57 peratus lagi masih belum memberikan pengesahan kehadiran.

"Saya mohon kepada mereka yang telah terima butiran janji temu untuk menjawab sama ada mereka akan hadir atau tidak kerana ini membolehkan kita membuat perancangan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Kalau sekiranya kita tidak tahu berapa ramai yang akan datang, mungkin akan berlaku pembaziran vaksin, tidak cukup vaksin dibawa atau vaksin terlebih banyak dibawa ke PPV," katanya.

Dalam pada itu, Khairy berkata, bagi mereka yang menjawab tidak dapat hadir, tarikh untuk mereka menerima vaksin Covid-19 akan dijadualkan semula dan sekiranya masih enggan hadir, pihaknya akan menyiasat punca keengganan mereka.

Vaksin fasa kedua: Beberapa kategori lain akan didahulukan
Ditanya mengenai perkembangan perolehan vaksin AstraZeneca, Khairy berkata, perkara itu akan diputuskan pada minggu hadapan selepas mesyuarat JKJAV dan laporan daripada kumpulan pakar.

[Baca cerita seterusnya >](#)

Menurut laporan media, Agensi Ubat-ubatan Eropah dilaporkan mengeluarkan kenyataan kejadian darah beku daripada suntikan AstraZeneca disenaraikan sebagai kesan sampingan jarang berlaku. - Bernama

Paling Terkini: Lagi insiden tembakan di AS ✕

TERKINI | POPULAR

- 1 Lagi insiden tembakan di AS
- 2 Kekal prestasi dividen dua digit
- 3 'Hubungan Zahid-Anwar sangat istimewa'
- 4 Bekas juara dart dunia peluk Islam
- 5 Rakyat Malaysia 'kuat' layari laman sosial

Dapatkan informasi dan statistik terkini perkembangan pandemik Covid-19 di Malaysia di sini:
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>


**Vaksin fasa kedua: Beberapa kategori lain akan
didahulukan**

Baca cerita seterusnya >


Apakah reaksi anda? 1 vote

Powered by **Vuukle**


Gembira




Biasa Jer




Terhibur



Teruja



Marah



Sedih



Artikel Berkaitan



Fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bermula 19 April

PUTRAJAYA - [DIKEMASKINI] Fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang mengutamakan warga emas, orang kurang upaya dan golongan berpenyakit...



Muhyiddin mulakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan hari ini

KUALA LUMPUR - [DIKEMASKINI] Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bermula secara rasmi pada Rabu dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin...



Malaysia akan teruskan pembelian vaksin AstraZeneca

PUTRAJAYA - [DIKEMASKINI] Malaysia akan meneruskan proses penerimaan dan pembelian vaksin Covid-19 jenis AstraZeneca memandangkan tiada bukti...



413,255 sudah terima vaksin Covid-19: Dr Adham

KUALA LUMPUR - [DIKEMAS KINI] Seramai 413,255 individu di negara ini telah menerima suntikan vaksin setakat Sabtu menerusi Program Imunisasi Covid-19...



Suntikan vaksin bawa sinar baharu

KERAJAAN Malaysia akan melaksanakan fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi memerangi...
Vaksin fasa kedua **Beberapa kategori lain akan**
didahulukan

Baca cerita seterusnya >



Petugas JKM, warga emas, OKU terima vaksin fasa kedua



PUTRAJAYA - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada Khamis memaklumkan bahawa petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM),...

Vaksin fasa kedua: Beberapa kategori lain akan didahulukan

SHAH ALAM - Beberapa kategori lain akan didahulukan bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) fasa kedua yang bakal bermula pada April ini.

Sinarharian

8 Perangai Buruk Penyewa Buat Tuan Rumah Naik Hantu

iProperty.com.my | Sponsored

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

Vaksin fasa kedua: Beberapa kategori lain akan didahulukan

[Baca cerita seterusnya >](#)